

Recent Malay Books from Malaysia – April 2019

Mary Martin Booksellers Pte Ltd
Blk 231, Bain Street
#03-05, Bras Basah Complex
Singapore 180231
Tel : +65-6883 2284 / 6883 2204
Fax : +65-6883-2144
info@marymartin.com
www.marymartin.com

Anthropology/Archaeology

Katalog Manuskrip Melayu: Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia:
Tambahan Kesepuluh

Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2018
viii, 80p.

Includes Index

9789679313031

1. Manuscripts, Malay – Malaysia – Catalogs
2. Government publication – Malaysia.

\$ 30.00 / PB

272gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561759>

Arkeologi di Malaysia: Dahulu dan Kini / (Ed) Asyaari Muhamad
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press),
2018

336p.

Includes Index

9789674126384

1. Archaeology – Malaysia

\$ 25.00 / PB

572gm.

Buku Arkeologi di Malaysia: Dahulu dan Kini membincarakan tentang perkembangan penyelidikan arkeologi di Malaysia khususnya dari tahun 1980-an hingga 2018. Bidang arkeologi yang akan disentuh dalam buku ini bermula dari era prasejarah, protosejarah, sejarah dan maritim. Selain itu, isu berkenaan teori perkembangan awal arkeologi di Malaysia, hala tuju bidang ini serta saranan demi memperkasakan bidang arkeologi di Malaysia turut disentuh. Perubahan pendekatan dan kaedah kajian

dalam bidang arkeologi dari tahun 1980-an hingga kini turut dimuatkan demi melihat kronologi pendekatan serta perubahan yang digunakan dalam mengkaji bidang ini di Malaysia. Ia perlu ditekankan dalam kaedah kajian sejarah dengan perkembangan sains dan teknologi secara global. Penemuan data baharu terutamanya rangka manusia prasejarah di Terengganu, tapak kerajaan awal zaman protosejarah di Sg. Batu, Kedah serta penerokaan dan pemerkasaan bidang arkeologi maritime di Malaysia juga dibincangkan dalam buku ini. Tiga penemuan terbaru terutamanya rangka manusia terawal di Terengganu, tapak arkeologi tamadun awal di Sg. Batu serta penerokaan maritim Pulau Bidong, Terengganu menjadi pemankin serta sumbangan yang besar terhadap korpus ilmu arkeologi di Malaysia khususnya. Buku ini juga mendedahkan peranan, keupayaan dan kredibiliti penyelidik tempatan yang setanding dengan penyelidik arkeologi luar negara terhadap penyelidikan dan interpretasi tentang sumber data arkeologi tempatan. Pendedahan mengenai penemuan terbaharu arkeologi negara di beberapa tapak arkeologi diharap dapat membantu pembaca awam, para penyelidik dan pelajar dari pelbagai peringkat meningkatkan pengetahuan mereka terutamanya tentang perkembangan penulisan dan penyelidikan arkeologi terkini di Malaysia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561760>

Zaman Prasejarah Terengganu / Rashid Hamat
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2019
viii, 212p.
Includes Index
9789834907198

1. Antiques, Prehistoric – Terengganu
2. Archeology – Research – Terengganu
3. Archeology site location – Terengganu
4. Terengganu (Malaysia) – History.

\$ 14.00 / PB

286gm.

Buku *Zaman Prasejarah Terengganu* merupakan rangkuman beberapa kertas kerja yang pernah dibentangkan dalam beberapa seminar yang telah diadakan di Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang, memerihalkan kronologi zaman prasejarah di Terengganu bermula sejak zaman Hoabinhian atau zaman Batu Mesolitik. Kajian yang dibuat menunjukkan manusia yang tinggal di Hulu Terengganu, terutamanya di Gua Bewah ialah manusia yang paling awal membina tamadun mereka. Bukti ini diperoleh berdasarkan kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana di gua tersebut pada tahun 1996, 2007, 2009, 2010, 2011 dan 2012.

Selepas Zaman Hoabinhian, berlaku pula Zaman Neolitik yang menampakkan tahap pemikiran manusia zaman ini bertambah maju dan lebih berinovasi. Hal ini berdasarkan hasil ciptaan mereka yang lebih halus, sempurna dan kualiti yang agak baik. Tapak zaman ini dikesan di Gua Tuk Bidan, Hulu Terengganu melalui kerja-kerja ekskavasi dan di Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu menerusi jumpaan secara tidak sengaja. Apabila berakhirnya Zaman Neolitik, wujud pula Zaman Logam. Pada zaman ini, peralatan yang diperbuat daripada logam mula dikeluarkan, seperti gendang Dongson dan alat besi bersoket yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan saiz.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561761>

Legasi Waris Rimba / (Ed) Mastura Mohtar & Norini Haron
Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), 2018
xii, 132p.

Includes Index

9789672149149

1. Ethnology Malaysia
2. Indigenous peoples. Social life and customs Malaysia
3. Indigenous peoples. Social conditions
4. Indigenous peoples. Economic condition

\$ 40.00 / HB

816gm.

Legasi Waris Rimba berkongsi secebis kearifan nenek moyang yang menyantuni alam sekitar untuk meneruskan kelestarian hidup. Kegunaan 88 spesies tumbuhan dalam segenap aspek kehidupan pelbagai etnik orang asli Semenanjung Malaysia diketengahkan dalam buku ini. Selain menyemai kebanggaan terhadap kebijaksanaan generasi terdahulu, *Legasi Waris Rimba* dapat menjadi dokumen rujukan penting untuk generasi milenium selaku pewaris legasi kearifan yang terkumpul merentas masa.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561762>

Jejak Warisan Borneo / Ismail Ibrahim (et al.)
Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2018

xviii, 216p.

Includes Index

9789670521770

Catatan Perjalanan Siri 1

\$ 70.00 / PB

478gm.

Catatan Perjalanan Siri 1: Jejak Warisan Borneo adalah sebuah buku yang bersandarkan catatan pengalaman sebenar penulis tentang eksplorasi mereka ke beberapa tempat di Borneo. Membaca buku ini ibarat membaca sebuah novel yang penuh dengan peristiwa sebenar.

Buku ini dimulai dengan bab menjelaki budaya suku Iranun. Penelusuran ini membawa penulis ke Mindanao, di selatan Filipina iaitu persekitaran Tasik Lanao di Merawi. Kawasan yang sedang mengalami konflik antara tentera Moro dan askar Kerajaan Filipina dapat dirasakan oleh penulis. Betapa, nilai penghasilan sebuah penulisan begitu berharga apabila membahayakan nyawa sendiri.

Bab berikutnya, penulis melangkaui tanah besar, menyeberang lautan untuk ke destinasi Pulau Mandi Darah yang dihuni oleh suku Bajau Ubian. Di sini penulis merasakan sendiri amalan penghidupan dan adat resam yang unik oleh penghuninya. Pada bab-bab seterusnya penulis berkongsi pengalaman tentang perjalanan yang mencabar merentasi bukit-bukau hasil pembentukan Banjaran Crocker yang menjadi tulang belakang kepada Gunung Kinabalu.

Pertemuan dengan masyarakat penghuni di tanah tinggi yang dikenali sebagai Murut telah membuatkan beberapa penerokaan tentang amalan adat dan kehidupan yang berpaksikan kepada persekitaran mereka. Di sini penulis berjaya melihat sendiri amalan pembentukan institusi keluarga dan penggunaan sumber alam sebagai bahan untuk mencipta warna. Sekelumit catatan pengalaman ini akan memberi ruang terhadap penerokaan baharu pelbagai suku kaum yang mendiami Borneo dalam catatan perjalanan siri ke-2.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561763>

Etnoarkeologi di Malaysia: Cerminan Budaya Material Masyarakat Peribumi / (Ed) Hamid Mohd Isa, Nasha Rodziadi Khaw & Nazarudin Zainun

Johor: Penerbit UTHM, 2018

x, 230p.

Includes Index ; Bibliography

1. Ethnoarcheology – Malaysia
2. Indigenous peoples – Malaysia

\$ 15.00 / PB

382gm.

Buku ini merupakan satu kompilasi hasil kajian terkini yang dilakukan oleh para pengkaji arkeologi, etnografi, antropologi dan etnoarkeologi berkaitan aspek teknologi, kesenian, pola penempatan, adaptasi alam dan sosioekonomi masyarakat peribumi, yang dicerminkan dalam kebudayaan material mereka.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561764>

Arts

Reka Bentuk Kraf Tangan Melayu Tradisi / Siti Zainon Ismail

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018

xxiv, 344p.

Includes Index; Bibliography

9789834918682

1. Handicraft – Malaysia.

\$ 30.00 / PB

718gm.

This book is written in Malay. It deals with the various views and areas of traditional Malay handicraft design, covering the art of pottery, wickerwork, textiles, embroidery and batik. Siti Zainol carried out a thorough study of the creation, formation and development of every type of traditional Malay craft besides revealing various types of Malay hand-held and non-publicized fascist designs.

Reka Bentuk Kraf Tangan Melayu Tradisi memperkatakan pelbagai sudut dan bidang reka bentuk kraf tangan Melayu tradisi, meliputi seni tembikar, anyaman, tekstil, tekat dan batik. Siti Zainol melakukan kajian yang mendalam tentang penciptaan, pembentukan dan perkembangan setiap jenis kraf tangan Melayu tradisidi samping mendedahkan pelbagai jenis reka bentuk kraf tangan Melayu yang selama ini terpendam dan tidak diketahui umum.

<http://www.marymartin.com/web?pid=370455>

Perahu Tradisional: Warisan Seni Persisi Terengganu / Ruzaini

Sulaiman@Abd. Rahim, Radhiah Ismail & Rosyidah Muhamad

Terengganu: Penerbit UMT, 2019

124p.

Includes Index

9789672200871

1. Boats and boating

\$ 32.00 / PB

482gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561765>

Busana Tradisional Negeri Sembilan / Alias Zakaria & Mastura Mohamed Berawi

Kedah: UUM Press, 2019

xx, 156p.

Includes Index; Bibliography

9789672210191

1. Ethnic costume – Malaysia – Negeri Sembilan
2. Clothing and dress – Malaysia – Negeri Sembilan

\$ 37.50 / PB

546gm.

Buku ini mengetengahkan keindahan dan keunikan busana tradisional Negeri Sembilan. Khazanah budaya ini diserikan dengan ungkapan, pantun dan syair yang menggambarkan tentang busana. Pembaca dibawa menelusuri sistem adat perpatih yang mempengaruhi perkembangan busana di Negeri Sembilan. Busana harian seperti baju kurung, baju kebaya setengah tiang, baju kebaya belah panjang dan baju Melayu cekak musang dijelaskan satu-persatu.

Begini juga busana adat istiadat yang hanya terdapat di Negeri Sembilan, iaitu busana Ibu Soko, Dato' Bentara Perempuan, Dato' Lembaga, Dato' Adat dan Buapak. Busana pengantin Negeri Sembilan turut diperincikan dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Seterusnya bagi pencinta persembahan kebudayaan dan kesenian, turut ditampilkan busana Tarian Piring, Tumbuk Kalang dan Randai.

Tidak ketinggalan sebagai pelengkap busana tradisional, pembaca dapat mengetahui lebih lanjut mengenai destar, tengkolok atau telepuk dan sanggul lintang. Kain samping yang menjadi pelengkap busana Melayu kaum lelaki dijelaskan cara pemakaian dan jenis ikatannya. Buku ini mampu menarik minat generasi kini untuk mengetahui asal usul, keistimewaan dan falsafah cara pemakaian busana tradisional yang diwarisi sejak turun temurun hingga sekarang. Buku ini amat bermakna kepada semua pencinta warisan budaya Melayu untuk melestarikan khazanah bangsa yang bernilai ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561766>

Panduan Tatacara Kepimpinan Adat Melayu Melaka / (Chief Ed) Tan Sri Datuk Wira Prof. Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar
Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka (SMMA), 2018
iii, 45p.

9789833183026

1. Malay culture – Melaka.

\$ 25.00 / PB

152gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561767>

Biography

Awang Had Salleh: Legenda Pendidika Global Malaysia / Mohd. Yusof Hasan

Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2018
xxii, 650p.

Includes Bibliography

9789672163510

1. Awang Had Salleh, Tan Sri Dato, 1934-2013
2. Educators – Malaysia
3. Authors, Malay – Malaysia
4. Government publications – Malaysia.

\$ 47.50 / PB

900gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561768>

Cherita Sutradara dan Seniman Mamat Khalid / Hassa Muthalib & Azlan MD

Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2018
viii, 144p.

Includes Index; Bibliography

9789672163312

1. Mamat Khalid – Biography
2. Moving-picture producers ad directors – Malaysia

\$ 27.50 / PB

496gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561769>

Memoir Harussani Zakaria: Dia Akan Jadi Mufti / Harussani Hj. Zakaria
(Tan Sri Dato' Seri)

Sintok, Kedah: UUM Press, 2018

xii, 152p.

Includes Index; Bibliography

9789672210160

1. Harussani Hj. Zakaria, – Tan Sri, Dato' Seri, – 1939 – Biography
2. Muftis (Muslim officials) – Malaysia – Biography
3. Muslim scholars – Biography
4. Autobiography.

\$ 20.00 / PB

248gm.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Hj. Harussani bin Hj. Zakaria adalah anak bongsu kepada pasangan Hj. Zakaria b. Hj. Osman dan Hjh. Zainab bt. Jalaluddin, dilahirkan kira-kira 79 tahun yang lalu di Parit Buntar, Perak. Ayah beliau merupakan seorang yang tegas dalam memberi didikan agama kepada anak-anaknya.

Perjalanan menjadi Mufti beliau bermula apabila menjawat jawatan sebagai Kadi di Jabatan Agama Pulau Pinang bermula dari tahun 1967 hingga 1973, kemudiannya dilantik sebagai Kadi Besar dari 1973 hingga 1985. Kefasihan beliau dalam mengulas isu-isu agama Islam telah melayakkan beliau untuk dilantik sebagai Mufti Perak bermula 1985 hingga kini.

Secara umumnya, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Hj. Harussani adalah seorang yang tegas dalam pendiriannya. Ketegasan beliau dalam isu-isu yang melibatkan agama Islam ini sebenarnya bukan lagi menjadi rahsia, sama ada dalam kalangan sahabat handai, para penyokong, mahupun mereka yang tidak sependapat dengan beliau. Sejarah telah merakamkan betapa lantangnya beliau ketika bercakap tentang isu murtad, poco-poco, Majlis Perundingan Antara Agama, yoga, penggunaan kalimah Allah oleh orang-orang bukan Islam, kerajaan perpaduan (UMNO-PAS) dan demonstrasi jalanan.

Buku ini bukan hanya pengisian memoir tetapi juga memberikan beliau satu ruang penjelasan mengenai isu-isu sensasi yang pernah beliau bangkitkan sebelum ini. Semoga karya ini dapat dijadikan rujukan dan penerangan sewajarnya kepada para pembaca.

<http://www.marymartin.com/web?pid=443415>

Ameng: Epilog Tirai Keinsafan / Wan Aminuddin Wan Ismail
Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM, 2019
xvi, 102p.
9789672216889

1. Wan Aminuddin Wan Ismail, 1969 - Biography
2. Singers – Malaysia – Biography
3. Entertainers – Malaysia – Biography
4. Autobiography

\$ 17.50 / PB

200gm.

Setiap insan mempunyai perjalanan hidup yang tersendiri. Suka dan duka, bahagia dan derita silih berganti. Begitu juga dengan insan bergelar Ameng. Mungkin perjalanan hidupnya agak berbeza dengan orang lain kerana pada suatu masa beliau pernah bergelar banduan. Semoga apa yang dipaparkan di sini dapat menjadi tauladan untuk semua.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561770>

Abdullah Sidek: Penulis dan Pendidik Berwawasan / (Ed) Amida Abdulhamid

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
xxii, 246p.

Includes Index

9789834901202

1. Abdullah Sidek, 1913-1973
2. Authors, Malay – Biography.

\$ 12.50 / PB

306gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561771>

Cinema Studies

Alegori Naruto: Falsafah Di Sebalik Manga / Zamir Mohyedin (Ed) Fatin Atikah

Ampang, Selangor: Patriots Publication, 2019
238p.

Includes Bibliography

9789671652831

1. Animated films – History and criticism
2. Animation (Cinematography) – History and criticism.

\$ 14.00 / PB

230gm.

Selain Alegori Gua (Allegory of the Cave), mungkin ramai tidak mengetahui bahawa Socrates pernah menggunakan matahari dan garis dibahagikan (divided line) sebagai analogi untuk menerangkan idea falsafahnya. Malah ketiga-tiga alegori yang Socrates gunakan mempunyai perkaitan antara satu sama lain.

Untuk yang tidak mengetahui, Alegori bermaksud metafora yang menggunakan tempat, watak, dan peristiwa sebagai medium untuk menyampaikan mesej dan idea dengan maksud yang lebih luas.

Alegori secara praktikalnya telah digunakan secara meluas dalam sejarah dalam pelbagai bentuk sebagai alat untuk menjelaskan konsep dan idea yang kompleks supaya mampu dihadam oleh pembaca, pendengar atau pemerhati.

Kishimoto mempunyai mesej yang ringkas ditanamkan berkenaan karya Naruto. Mungkin beliau tidak berniat untuk meletakkan falsafah ataupun konsep yang tinggi dalam karyanya. Tetapi Kishimoto jelas menyatakan: "Dalam dunia sebenar, sukar untuk manusia memahami antara satu sama lain disebabkan budaya dan dibesarkan dengan cara berbeza.

Apabila kita mula meningkat dewasa, kita akan mula melihat, kadangkala ada perkara yang tak kena berlaku dalam hidup kita.

Tapi, aku cipta Naruto untuk beritahu generasi muda bahawa walaupun terdapat kesusahan dalam hidup, kalian tetap akan dapat melaluinya. Selain itu, aku lebih gemar pembaca mencari sendiri apa yang mereka dapat daripada Naruto."

Maka, karya Naruto dapat menjadi medium yang baik untuk para pembaca mengenai sebahagian idea falsafah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561772>

Kronikel One Piece: Sejarah Di Sebalik Manga / Amir Zayyanid
Ampang, Selangor: Patriots Publication, 2019
280p.

Includes Index; Bibliography
9789671652824

1. Animated films – History and criticism
2. Animation (Cinematography) – History and criticism.

\$ 14.00 / PB

266gm.

"Tekad yang diwarisi, impian seseorang manusia dan peredaran waktu; Selagi manusia terus mencari erti kebebasan sejati, tiga perkara itu tidak akan sekali-kali dapat dihalang." – Gol D. Roger Si Raja Lanun *** Seiring peredaran zaman, tamadun manusia mengalami perkembangan dalam pelbagai lapangan ilmu termasuklah ilmu perkapanan. Hal ini membolehkan ombak laut ganas yang menggulung setinggi gunung dapat

dijinakkan. Lautan luas kemudian bebas diteroka. Jalan laut yang rancak dibuka sekaligus kian membudaya perdagangan maritim sehingga terbentuknya kuasa-kuasa talasokrasi yang saling berebutkan kemasyhuran, harta-benda dan tumpuk pemerintahan dunia. Percaturan geopolitik ini menuntut setiap kuasa besar untuk menujuhkan armada perang tersendiri. Persenjataan laut juga tidak ketinggalan mengalami kemajuan dari semasa ke semasa, lebih-lebih lagi pada era peralihan dari Dunia Lama ke Dunia Baru. Arena pergelutan di lautan ini tidak hanya melibatkan kelas tentera sahaja, tetapi turut direncahkan dengan kehadiran para lanun yang membawa aneka misi dan personaliti. Dari lanun budiman hingga lanun psikopat. Dari semangat mengejar harta-karun hingga mempunyai impian untuk menujuhkan republik lanun. Calit-calit sejarah yang dititipkan oleh mereka; para lanun sejak sebelum era Julius Caesar hingga abad ke-21 ini mencetuskan sejuta inspirasi kepada ribuan karya, termasuklah One Piece. Meneladani budaya pemahir-pemahir teori siri 'Budak Getah' sambil seupaya mungkin menuruti piawai penulisan akademik, naskhah ini cuba menguis langsir hiburan dan menyuluhkan lensa ke arah dua pemain teater ilmiah dalam magnum opus Eiichiro Oda ini; iaitu sejarah dan biografi dunia lanun.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561773>

Communication & Journalism

Media di Era Konvergensi / (Ed) Abdul Latiff Ahmad & Emma Mohamad Terengganu: Penerbit UMT, 2018
x, 150p.

Includes Index
9789672134886

1. Mass Media
2. Social media – Malaysia

\$ 12.00 / PB

304gm.

Media di Era Konvergensi adalah satu naskhah yang ingin mengutarakan isu berkaitan transformasi media dan bagaimana ia memberikan implikasi kepada masyarakat sedunia. Ia akan memperincikan bagaimana media beroperasi di era dunia tanpa sempadan. Buku ini merupakan gabungan penyelidikan ahli akademik tentang perlbagai isu komunikasi yang berlaku di era ini dan menunjukkan proses implikasi konvergensi media ke atas masyarakat. Ia merangkaumi tajuk-tajuk berkaitan hubungan media dengan isu seperti komunikasi, belia, kesihatan, permasalahan antara budaya dan implikasi media sosial. Selaras dengan kehadiran teknologi Internet dengan disokong oleh

sistem jalur lebar yang kian pantas, masyarakat kian bergantung kepada teknologi ini. Kebergantungan ini kian berterusan dalam pelbagai aspek kehidupan dan menjadikan media antara tonggak utama kelancaran aktiviti sehari-hari.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561774>

Isu-Isu Media dan Penapisan di Malaysia / (Ed) Mus Chairil Samani,

Mohd Nor Shahizan Ali & Ali Salman

Kangar, Perlis: Penerbit UniMAP, 2018

xvi, 154p.

Includes Index

9789670922669

1. Mass media – Malaysia
2. Censorship – Malaysia.

\$ 24.00 / PB

256gm.

Media massa sentiasa berhadapan dengan pelbagai isu. Isu-isu yang menjadi fokus perbincangan dalam buku ini berkisar tentang isu penapisan, media baharu, etika dalam media dan paparan media. Penapisan media berlaku pada pelbagai peringkat penerbitan. Penapisan tidak semestinya berlaku selepas bahan itu diolah atau diterbitkan. Penapisan boleh bermula semasa pengumpulan bahan lagi. Kewujudan media baharu selaras dengan perkembangan Internet, turut merubah gaya kehidupan sehari-hari kita. Internet membolehkan masyarakat mendapatkan maklumat di hujung jari demi kemandirian sehari-hari. Buku ini memaparkan wacana yang membahaskan proses dan kerangka penapisan yang wujud. Kajian-kajian terpilih tentang operasi media semasa di peringkat tempatan dan serantau sesuai dijadikan rujukan kepada pelajar komunikasi dan media, sosiologi, sains politik, kewartawanan, budaya dan semua lapisan masyarakat.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561775>

Menulis Sitcom – Mencontohi Pi Mai Pi Mai Tang Tu / Hatta Azad Khan

Sintok, Kedah: UUM Press, 2018

xvi, 150p.

Includes Index; Bibliography

9789672210207

1. Situation comedies (Television programs) – Malaysia
2. Television comedies

\$ 18.00 / PB

256gm.

Sitcom Pi Mai Pi Mai Tang Tu adalah sejarah dalam dunia penyiaran di Malaysia. Sitcom ini menjadi program televisyen yang bertahan paling lama, bermula tahun 1985 dan berterusan selama hampir 18 tahun. Inilah sejarah yang tercipta oleh dua orang karyawan – Hatta Azad Khan dan Othman Hafsham. Buku Menulis Sitcom – Mencontohi Pi Mai Pi Mai Tang Tu ini ditulis khusus bagi memberikan serba sedikit gambaran bagaimana idea bagi sebuah drama komedi yang asalnya dipentaskan sebagai sebuah produksi teater, boleh dikembangkan menjadi siri televisyen yang diminati ramai. Buku ini turut dilengkapi contoh skrip serta contoh bagaimana menyediakan kertas proposal untuk dihantar kepada penerbit atau stesen televisyen. Kaedah menulis sitcom dimulai dengan mengenali sejarah luar dan dalam negara, mengkaji kelainan sitcom berbanding genre lain, mengenali struktur dan elemen, mencipta watak dan seterusnya memilih tajuk yang sesuai. Buku ini boleh dijadikan panduan yang sangat sesuai dan berguna oleh tenaga pengajar serta pelajar yang mengambil jurusan penulisan skrip di pusat pengajian tinggi atau sesiapa saja yang mempunyai minat dalam penulisan skrip dan mahu mencuba menulis sitcom. Pembaca boleh menjadikan dua buah naskhah daripada Siri Pi Mai Pi Mai Tang Tu - Episod Hangus (Bahagian I dan II) dan Episod Kumbang (Bahagian I dan II) sebagai contoh yang boleh diikuti.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561776>

Ecology/Environment

Cantik Namun Beracun / M. Abd. Latif (et al.)
Kepong, Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, 2018
xiv, 290p.
Includes Bibliography
9789672149262

1. Poisonous plants – Identification
2. Medicinal plants – Identification

\$ 125.00 / PB

836gm.

Buku *CANTIK Namun Beracun* diinspirasikan penerbitannya oleh Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr Abd Latif Mohmod. Buku ini mengandungi 158 spesies pokok (termasuk 16 spesies di lampiran) yang rata-ratanya merupakan pokok hiasan di taman, di laman dan di dalam rumah serta pokok teduhan di tepi jalan. Pokok-pokok ini menarik perhatian bukan sahaja orang awam, malah kanak-kanak dan haiwan namun awas, pokok-pokok ini sebenarnya beracun! Tumbuhan beracun atau berbisa ialah tumbuhan yang boleh menyebabkan kesakitan, kerengsaan, mabuk dan

mungkin membawa kematian apabila kita termakan, terminum atau tersentuh bahagian-bahagian tertentu. Buku ini ditujukan kepada orang awam, pengusaha tapak semaihan, pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam aktiviti landskap, serta individu yang meminati pokok-pokok hiasan untuk dijadikan rujukan atau panduan bagi mengenali pokok-pokok yang berbahaya dan beracun.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=561777**](http://www.marymartin.com/web?pid=561777)

Belangkas di Malaysia / Faridah Mohamad (et al.)

Terengganu: Penerbit UMT, 2018

88p.

9789672220077

1. Horseshoe crabs – Malaysia
2. Merostoma – Malaysia
3. Animal ecology - Malaysia

\$ 22.50 / PB

348gm.

Buku ini diinspirasikan daripada belangkas sebagai haiwan yang unik. Memang menakjubkan, apabila bentuk badan belangkas yang klasik dan ringkas dapat membantu haiwan ini untuk bertahan berjuta-juta tahun dengan hanya mengalami sedikit perubahan. Karapas yang menyerupai topi keledar dan kelakuan benthic merupakan ciri yang menjadi kunci kepada perjuangan hidup belangkas. Sebenarnya, bagi seekor belangkas dewasa, haiwan ini hampir bebas daripada pemangsa.

Buku ini juga dihasilkan dengan hasrat untuk mencapai seramai pembaca yang mungkin dengan gaya penulisan mudah dan santai serta sarat dengan gambar supaya seronok untuk dibaca. Buku ini juga bertujuan untuk memperkenalkan belangkas dan menarik minat mereka yang tidak pernah melihatnya, di samping memberi maklumat tambahan kepada mereka yang telah mengenali haiwan ini. Ini adalah sebahagian daripada usaha Kumpulan Penyelidikan Belangkas (KPB) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai kepentingan pemuliharaan belangkas.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=561778**](http://www.marymartin.com/web?pid=561778)

Economics/Development Studies

Pedagang Melayu Di Sulawesi Selatan: Identiti dan Kuasa / Amrullah Amir & Nordin Hussin

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2019

xiv, 380p.

Includes Index; Bibliography

9789834922597

1. Indonesia – Economic conditions
2. Malay Archipelago – Commerce – Indonesia
3. Malay Archipelago - History.

\$ 17.00 / PB

438gm.

Buku ini membincangkan sejarah masyarakat pedagang Melayu yang telah berhijrah dan menetap di bandar Pelabuhan Makassar dan bermastautin di beberapa wilayah Sulawesi Selatan sejak tahun 1600. Sejarah awal petempatan masyarakat Melayu di Sulawesi Selatan bermula setelah Melaka ditakluki oleh Portugis dan sebahagian para pedagang Melayu telah berhijrah ke beberapa kerajaan tempatan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561779>

Daya Tahan Mangsa Banjir Di Kelantan / Noremy Md Akhir & Azlinda Azman

Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press), 2018

116p.

Includes Index

9789674127688

1. Floods – Malaysia – Kelantan
2. Disaster victims – Malaysia – Kelantan

\$ 17.50 / PB

184gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561780>

Isu Kontemporari Dalam Pembangunan dan Kesejahteraan Masyarakat / Azliza Talib

Sintok, Kedah: UUM Press, 2019

xii, 132p.

Includes Index; Bibliography

1. Malaysia – Social conditions
2. Malaysia – Economic conditions.

\$ 15.00 / PB

220gm.

Buku ini memaparkan perbincangan dan analisis terhadap pemahaman berkenaan isu yang berlaku dalam konteks pembangunan pada masa sekarang.

Pelbagai isu telah ditimbulkan dalam bidang pembangunan disebabkan oleh pelbagai perubahan yang berlaku dan agar selari dengan tuntutan perkembangan semasa. Isu yang disentuh dan dibincangkan di dalam buku ini termasuklah isu yang berkaitan dengan buruh asing dalam pembangunan negara, pemilikan perumahan, penyalahgunaan teknologi dan jenayah siber; persekitaran bandar untuk kelestarian kehidupan dan pembangunan komuniti; isu pendidikan nasional untuk masyarakat berbilang kaum, penerapan teknologi hijau dalam pembangunan serta isu hak milik kepada penduduk.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561781>

Pembangunan Lestari dalam Transformasi Malaysia / (Ed) Noraniza Yusoff

Sintok, Kedah: UUM Press, 2019

xii, 240p.

Includes Index

9789672064961

2. Malaysia – Politics and Government
3. Malaysia – Social conditions
4. Malaysia – Economic conditions.

\$ 17.50 / PB

382gm.

Buku ini membincangkan pembangunan lestari yang merangkumi beberapa isu kritikal seperti perancangan komuniti lestari dan juga ketinggalan dalam rancangan. Isu kritikal ketinggalan dalam rancangan dibincangkan dengan lebih mendalam berkenaan ketiadaan badan dalam perbincangan pembangunan lestari dan kekurangan analisis kritikal dalam isu selepas penjajahan dan kemerdekaan.

Selain itu, isu kritikal yang lain ialah perubahan tidak dapat dipulihkan yang menjadi fenomena penting dalam persekitaran global.

Pembangunan lestari penting kepada Kerangka Dasar Perancangan Kebangsaan dan pembangunan lestari boleh menggalakkan pembangunan serta pertumbuhan ekonomi jangka pendek. Buku ini signifikan kepada pembaca yang ingin mengetahui pembangunan lestari di Malaysia serta transformasi yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan juga masyarakat.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561782>

Jangan Selewengkan Ekonomi Malaysia / Kauthar Rozmal, Khairul Azri A & Najib Saahari (Ed) Fatin Atikah
Ampang, Selangor: Patriots Publication (The Patriots), 2019
240p.
Includes Bibliography
9789671652855
\$ 14.00 / PB
242gm.

Pasca Malaysia Baharu menyaksikan isu semasa berkaitan dengan ekonomi negara begitu pesat disebarluaskan di media sosial atau media utama. Pihak pembangkang dan kerajaan begitu berlumba lumba mencambangkan propanganda versi mereka untuk tatapan marhaen. Anak panah fitnah isu ekonomi yang dilepaskan busur propaganda begitu laju dan bertebaran sehingga membuatkan rakyat seperti kita tidak lagi tahu mengenali mana benar dan salah. Justeru, tiga orang penulis yang mempunyai latar belakang dalam bidang kewangan dan ekonomi saling berganding bahu menyiapkan koleksi koleksi artikel yang bertujuan memberikan pencerahan agung agar kita tidak lagi ditipu oleh politikus itu!

<http://www.marymartin.com/web?pid=561783>

Pembangunan Usahawan Sosial di Malaysia / (Ed) Noriza Abdul Razak Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press), 2018
148p.
Includes Index
9789674126179
1. Social entrepreneurship
2. Entrepreneurship
\$ 20.00 / PB
234gm.

Buku ini menyediakan sembilan bab berkaitan dengan penyelidikan pembangunan usahawan sosial yang menggunakan teknologi untuk memasarkan produk dan perkhidmatan. Ia merangkumi definisi usahawan sosial dari kaca mata penyelidik UKM dan teori-teori yang berkait serta usaha-usaha pembangunan usahawan sosial di beberapa kawasan di tanah air Malaysia. Usaha-usaha ini boleh diaplikasikan dan dijadikan panduan untuk usahawan yang sebenar. Mereka sepatutnya membantu dan menyelesaikan masalah setempat, memberi peluang dan meningkatkan sasaran ekonomi tanpa memikir keuntungan diri sendiri.

Ini adalah susunan untuk para penyelidik, pelajar, para akademik dan usahawan industri kecil dan sederhana. Semoga buku ini memberi manfaat kepada pembaca.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=440439**](http://www.marymartin.com/web?pid=440439)

Industri Budaya: Asia Terengganu dan Korea Selatan / Azizah Hamzah & Seung-Ho Kwon

Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM Press), 2018

xxii, 496p.

Includes Index

9789674880743

1. Cultural industries – Southeast Asia
2. Cultural industries – Korea (South)

\$ 44.00 / PB

752gm.

Sejak tahun 2008, Bangsa-Bangsa Bersatu telah menggesa supaya pada abad ke-21, semua negara dan masyarakat samada di kawasan yang daif atau di mana-mana kawasan di dunia harus membangunkan teknologi dengan menampilkan kreativiti dalam ekonomi dan budaya. Para pengkaji bidang ekonomi, media dan budaya mengakui bahawa industri budaya adalah salah satu sektor ekonomi yang penting yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di negara-negara maju. Buku ini memaparkan perkembangan industri budaya tiga buah negara di Asia Tenggara, iaitu Malaysia, Thailand, Vietnam dan negara Korea Selatan. Bab-bab tentang Korea Selatan menunjukkan bahawa negara itu mempunyai persediaan yang sistematik terutamanya dengan penggubalan dasar kerajaan yang diperkenalkan selaras dengan perkembangan arus globalisasi yang membawa impak terhadap beberapa sektor industri pada awal tahun 2000 sehingga kini. Negara-negara Asia Tenggara menyedari bahawa industri budaya dan kreatif tidak dapat tumbuh segar tanpa sumbangan daripada golongan kreatif serta persekitaran yang menjadi platform subur yang memperkembangkan dan menghidupkan industri ini. Dengan memberikan tumpuan kepada kepentingan ekonomi kreatif dalam era global, buku ini menghuraikan perkembangan industri budaya dan menyediakan fakta dan perangkaan ekonomi kreatif keempat-empat negara yang terlibat.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=532254**](http://www.marymartin.com/web?pid=532254)

Sosio Ekonomi Penduduk Melayu Hulu Kelantan, 1946-1960 / Hamdan Aziz

Kota Bahru, Kelantan: Penerbit UMK, 2018

viii, 382p.

Includes Index

9789670955964

1. Economic development – Malaysia – Kelantan – 1946-1960
2. Government publications - Malaysia
3. Kelantan (Malaysia) – Economic conditions
4. Kelantan (Malaysia) – History.

\$ 25.00 / PB

612gm.

Buku ini membincangkan keadaan sosioekonomi penduduk Melayu Hulu Kelantan bermula sewaktu pentadbiran kerajaan Malayan Union sehingga berakhirnya pengisytiharan darurat pada tahun 1960.

Sewaktu pentadbiran Malayan Union, pemusatan kuasa berlaku kepada Gabenor manakala kuasa Sultan terutama dalam pentadbiran tanah begitu terhad. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan kebergantungan penduduk terhadap penggawa untuk mendapatkan tanah-tanah pertanian serta tempat tinggal. Kegiatan pengganas komunis yang tertumpu di kawasan hutan seperti Hulu Kelantan menyukarkan penduduk untuk terlibat secara aktif dalam kegiatan ekonomi sedangkan kebanyakan penduduk terlibat dalam pertanian sara diri. Bagi menzahirkan struktur sosioekonomi penduduk Melayu Hulu Kelantan, beberapa aspek yang berkait dengan keadaan sosioekonomi penduduk seperti pola penempatan, penglibatan politik, pendidikan, kemudahan infrastruktur, kesihatan, keagamaan dan kebudayaan diketengahkan melalui buku ini.

Kegiatan ekonomi penduduk seperti penanaman padi, penternakan, pemungutan hasil hutan, penanaman getah, perlombongan, pembalakan serta perniagaan turut dibincangkan. Pasca Pilihan Raya Umum 1959 menyaksikan kerajaan negeri Kelantan juga giat membuka tanah untuk pertanian serta penempatan melalui agensi Lembaga Kemajuan Tanah Negeri (LKTN).

<http://www.marymartin.com/web?pid=561784>

Education

Pentafsiran Baharu: Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaan Pasca 2029 / (Ed) Dzulkifli Abdul Razak & Rosnani Hashim

Kuala Lumpur: IIUM Press, 2019

xxx, 424p.

9789674910280

1. Education – Philosophy – Malaysia
2. Education – Malaysia

\$ 47.50 / HB

814gm.

Falsafah Pendidikan Negara (FPN), dan kemudiannya Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sudah berusia tiga dekad. Dalam jangkamasa 30 tahun, dunia telah banyak berubah, sesetengahnya berpaksikan kepada perkembangan pesat pendidikan tempatan dan sejagat, dan sebaliknya didesak pula oleh pelbagai pihak, khususnya industri serta ideologi lain, ke atas dunia pendidikan. Faktor ini sudah cukup memberi isyarat bahawa pendidikan wajar dipandu dan dibimbing supaya ia tidak diheret ke sana ke sini hingga terkeluar daripada matlamat serta acuan kita sendiri. Ini sekali gus meletakkan keyakinan bahawa apa juga penilaianya kelak, FPK masih relevan dan sesuai untuk abad ke-21 dalam melangsungkan agenda pendidikan negara dan sejagat. Malah ini adalah antara tujuan utama buku ini, iaitu untuk memberi FPK nafas baru sesuai dengan zaman dan keadaan semasa. Untuk tujuan ini beberapa orang penulis yang pakar dalam bidang masing-masing telah diundang khas agar dapat berkongsi ilmu serta pengalaman mereka dalam mengemudi FPK ke alam baru tanpa mengenepikan sejarah, hikmah dan liku-liku yang dialami dalam membentuk dan mencorak FPK sebagai kerangka utama pendidikan negara.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561785>

Health & Medicine

Khazanah Perubatan Melayu: Tumbuhan Ubatan, Jilid 1 / (Ed) Nik Musa'adah Mustapha (et al.)

Kepong, Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, 2017
xxiv, 522p.

Includes Index; Bibliography

9789670622897

1. Traditional medicine – Malaysia
2. Herbs – Therapeutic use – Malaysia
3. Malays (Asian people) – Medicine.

\$ 50.00 / PB

1790gm.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=561786**](http://www.marymartin.com/web?pid=561786)

Khazanah Perubatan Melayu: Tumbuhan Ubatan, Jilid 2 / (Ed) Nik Musa'adah Mustapha (et al.)

Kepong, Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, 2017
xxii, 596p.

Includes Index ; Bibliography

9789670622965

1. Traditional medicine – Malaysia
2. Herbs – Therapeutic use – Malaysia
3. Malays (Asian people) – Medicine.

\$ 50.00 / PB

2000gm.

Buku Khazanah Perubatan Melayu: Tumbuhan Ubatan Jilid 1 dan 2 merupakan satu daripada lapan penerbitan yang diterbitkan hasil daripada penemuan di bawah projek “Pendokumentasian Secara Komprehensif Pengetahuan Tradisi Melayu Berkaitan Tumbuhan Ubatan di Semenanjung Malaysia”. Buku-buku ini merupakan masing-masing kompilasi penggunaan 220 dan 125 spesies tumbuhan ubatan yang digunakan oleh pengamal perubatan tradisional Melayu.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=561787**](http://www.marymartin.com/web?pid=561787)

History

Syair Sindiran Badan: Transliterasi Manuskrip MS Indo 13 Harvard /
(Transliteration & Footnotes) Arsyad Mokhtar

Pulau Pinang: Baytul Hikma, 2018

94p.

\$ 12.50 / PB

122gm.

"Buku ini dihadiahkan khas untuk semua pencinta ilmu dan kebenaran.
Semoga segala mutiara hikmah yang terdapat di dalam buku ini dapat
dimanfaatkan untuk kebahagiaan hidup di dunia dan juga akhirat."

— Baytul Hikma & Arsyad Mokhtar

digunakan oleh pengamal perubatan tradisional Melayu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561788>

Istana Balai Besar: Mercu Kedaulatan dan Kegemilangan Raja-Raja
Melayu Kelatan / Baharin Ilias

Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2019
xvi, 166p.

Includes Bibliography

9789832391296

1. Monarchy – Kelantan – History
2. Kelantan – Kings – rulers – History
3. Kelantan – History.

\$ 75.00 / HB

1250gm.

Salah satu nilai kebudayaan tertinggi Kelantan adalah sistem
pemerintahan beraja, satu-satunya warisan kebudayaan Melayu yang
melambangkan dan menaungi kehidupan agama dan budaya yang luas.
Buku ini merupakan satu dokumen penting dalam memartabatkan
Institusi D'Raja Kelantan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561789>

65 Tahun Muzium Melaka: Sejarah, Cabaran dan Pencapaian 1954 – 2018

/ Mohd Shukry Bin Abdullah

Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 2018

xii, 96p.

9789671138656

1. Museums – Malaysia – Melaka
2. Melaka – History.

\$ 50.00 / HB

748gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561790>

Miftahul Malayu: Sejarah Islam Alam Melayu / Hasanuddin Yusof & Tun

Suzana Tun Othman (Foreword) Syeikh Rohimuddin Nawawi Al-Bantani

Negeri Sembilan: AV Arief Venture, 2018

xiv, 400p.

9789671603703

- Islam – Malay Archipelago – History
- Islam – Malaysia – History
- Malays – History
- Malay Archipelago – History
- Malaysia – Antiquities.

\$ 175.00 / PB

1980gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561791>

Destar Alam Melayu: Asal-Usul Sejarah dan Penggunaan / Johan Iskandar

(Ed) Panel Menara Seni

Shah Alam: Akademi Seni Tradisional Warisan Melayu, 2018

138p.

Includes Index; Bibliography

9789671657201

\$ 65.00 / HB

998gm.

Destar ialah semua jenis hiasan kepala yang penting dalam busana Melayu. Dalam destar mempunyai banyak jenis pecahan lagi seperti Tanjak, Tengkolok Lelaki, Tengkolok Perempuan, Getam, Songkok dan Semutar. Setiap rekaan destar mempunyai maksud yang tersendiri dan tidak dipakai sebarang. Selain itu, ia juga menyimpan sejarah yang tersirat dan rahsia asal-usul pada zaman dahulu. Kebanyakan destar warisan Melayu yang asli telah hamper pupus digantikan dengan rekaan baru yang tidak mempunyai sejarah dan asal-usul. Destar juga digunakan dalam aktiviti harian dan juga untuk adat-istiadat. Buku ini menerangkan

mengenai asal-usul, sejarah, penggunaan dan banyak gambar yang menarik serta penerangan yang lengkap.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561792>

Cina Muslim dan Hubungannya Dengan Alam Melayu / Yusuf Liu Baojun
Kuala Lumpur: CM Diverse Sdn. Bhd., 2018
xxiii, 246p. ; Maps
9789671638705
\$ 30.00 / HB
1020gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=535907>

Kenegaraan Malaysia: Sejarah, Kedaulatan dan Kebangsaan / Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
Bangi, Selangor: WOW Press Publisher, 2018
xvi, 208p.
Includes Index
9789671353691

1. Malaysia – History
2. Malaysia – Politics and Government.

\$ 20.00 / PB

308gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=535922>

Menjejak Hubungan Daulah Uthmaniyah dan Kesultanan Melaka / Hasanuddin Yusof (Illustrator) Mohd Nur Faezin
Negeri Sembilan: Penerbit Alami Sdn Bhd, 2018 (2nd Print 2019)
viii, 248p.

Includes Bibliography

9789671679517

1. Islam – Turkey – History
2. Islam and politics – Turkey
3. Islam and politics – Malaysia
4. Melaka – History
5. Turkey – History – Ottoman Empire, 1288-1918

\$ 20.00 / PB

592gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561793>

Gelaran Warisan Kelantan: Citra Unik Zaman-Berzaman / Hashim Musa,
Noor Syamilah Zakaria & Norhayati AB. Rahman

Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2019
xx, 122p.

9789832391418

1. Forms of address – Malaysia – Kelantan
2. Names, Personal – Malay
3. Government publications – Malaysia
4. Kelantan (Malaysia) – History.

\$ 20.00 / PB

226gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561794>

Ketokohan Panglima Awang: Orang Pertama Mengelilingi Dunia /
Zuliskandar Ramli

Melaka: Institut Sejarah Dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), 2018
viii, 200p.

9789832600480

1. Travellers
2. Voyages and travels.

\$ 20.00 / PB

Berlatarkan peristiwa sejarah pelayaran mengelilingi dunia inilah novel Panglima Awang dibina sehingga menjadi begitu sensasi sekitar hujung tahun 1950-an dan 1960-an. Sungguhpun suatu imaginasi tetapi di sebalik imaginasi itu terdapat kebenaran. Kejayaan Enrique (Panglima Awang) mengelilingi dunia memperlihatkan ketahanan fizikal dan mental, daya juang, semangat kental dan kesetiaan yang melampaui keupayaan manusia biasa yang seharusnya dapat diteladani bagi generasi kini dan akan datang.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561795>

Tangkak Dari Perspektif Sejarah / Zainurin Sahir

Kuala Lumpur: Geroda Merah Press, 2018

xx, 233p.

9789671567609

1. Malay literature
2. Tangkak, Johor – History.

\$ 20.00 / PB

282gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561796>

Kesultanan Perak "Menjejak Makam Para Sultan" / Irham Aqil Bin Zulkifli
Kuala Lumpur: Geroda Merah Press, 2018
ix, 152p.
9789671567647
\$ 34.00 / PB
188gm.
<http://www.marymartin.com/web?pid=561797>

Sejarah Dato Bahaman Pahlawan Pahang / A. Talib Ahmad
Kuala Lumpur: Geroda Merah Press, 2018
Second Edition
vii,133p.
9789671567678
1. History – Pahang
2. History Pahang (Malaysia) – Social life and customs.
\$ 20.00 / PB
162gm.
<http://www.marymartin.com/web?pid=561798>

Sungai Rambai Merentas Zaman (1790-2015) : Dari Sulawesi Selatan ke
Kepulauan Riau dan Berkampung di Tanah Melayu / Dr. Jasmi Ahmad &
Jaafar Kelana Al-Bugisi
Kedah: Padang Lalang, 2016
xi, 164p.
Includes Bibliography
9789671396407
1. Melaka -- Sungai Rambai -- History -- 1790-2015.
2. Melaka -- Sungai Rambai -- History -- 17th century.
3. Melaka -- Sungai Rambai -- History -- 21st century.
\$ 19.00 / PB
298gm.

Kedaulatan dan Kekuasaan Melayu Dalam Teks Sastera / (Ed) Jelani
Harun & Rogayah A. Hamid
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2019
xxvi, 502p.
Includes Index
9789834918910
1. Malay literature
\$ 24.00 / PB
578gm.

BUKU ini merupakan kumpulan eseai dan hasil kajian para sarjana yang khusus membicarakan pelbagai isu dan persoalan yang berhubung dengan kedaulatan dan kekuasaan raja-raja Melayu, khususnya bersumberkan naskhah-naskhah yang lahir daripada kepenggarangan istana Melayu. Antara naskhah yang dijadikan rujukan ialah *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Misa Melayu*, *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Johor*, *Hikayat Siak*, *Babad Tanah Jawa*, *Hikayat Upu Daeng Menambun* dan *Hikayat Pahang*.

Naskhah-naskhah Melayu ini merupakan dokumen sosial yang harus diketengahkan ke persada masyarakat agar sejarah dan rakaman peristiwa masa silam kekal menjadi ingatan dan pengajaran buat selama-lamanya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561800>

At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah / Muhammad Hassan Bin Dato' Kerani Muhammad Arshad (Ed) Dr Ibrahim Bakar Langkawi
Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK), 2018
xviii, 342p.
9789834327583
\$ 32.50 / PB
414gm.

Pengeluaran semula buku ini telah lama dinantikan oleh masyarakat umum. Sejak cetakan pertamanya dalam tahun 1928 dalam huruf Jawi, kemudian dialih tulisannya menjadi rumi dalam tahun 1968, kini kedua-dua edisi buku tersebut sudah tidak ada dalam pasaran. Kini selepas 50 tahun ia telah diterbitkan kembali. Penerbitan semula buku ini adalah sangat penting kerana ia merupakan buku rujukan ahli-ahli sejarah, pengkaji-pengkaji, peminat-peminat sejarah tempatan, malah ia menjadi buku rujukan oleh pihak kerajaan negeri Kedah, terutama berkaitan salasilah kesultanan. Sehingga kini, inilah buku yang paling lengkap menyenaraikan nama-nama Sultan Kedah yang pernah memerintah mengikut urutannya, lengkap dengan tarikhnya sekali.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561801>

Kesultanan Melayu Perak / (Ed) Harun Mat Piah
Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2019
xxviii, 390p.
Includes Index
9789834918675

1. Sultans – Malaysia – Perak – History
2. Monarchy – Malaysia – Perak – History

3. Perak (Malaysia) – Kings and rulers – History
4. Perak (Malaysia) – History.

\$ 30.00 / HB

578gm.

Buku ini merupakan dokumen penting untuk rujukan bangsa Melayu dalam melestarikan khazanah warisan bangsa zaman silam yang mengkaji kuasa politik raja-raja Melayu, khususnya di negeri Perak. Turut dipaparkan dalam judul ini ialah sejarah kegemilangan kesultanan Perak, salasilah raja-raja, politik pemerintah, hasil persuratan dan kesenian dan kajian yang tuntas tentang penemuan baharu berhubung dengan hasil sastera dan bahan sejarah zaman kesultanan Perak. Buku ini sarat dengan ilmu dan pemikiran Melayu untuk dihayati, dikaji dan diketahui oleh generasi kini dan akan datang.

<http://www.marymartin.com/web?pid=469900>

Melayu dan Menara Gading: Di Sebalik Penubuhan Universiti Malaya / Zulkarnain Abdul Rahman, Abdullah Zakaria Ghazali & Abdullah Gani Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2019 xviii, 164p.

Includes Index; Bibliography

9789674880347

1. University of Malaya
2. Universities and colleges – Malaysia – History
3. Universities and colleges – Singapore – History
4. Education, Higher – Malaysia – History.
5. Government publications – Malaysia.

\$ 24.00 / PB

276gm.

Buku ini merupakan satu usaha mengetengahkan peranan dan sumbangaan orang Melayu dalam penubuhan Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1949. Persoalan sama ada orang Melayu ada peranan atau sebaliknya dalam penubuhan Universiti Malaya di Singapura pada 1949 timbul apabila tulisan-tulisan sedia ada sama ada yang hasilkan oleh sarjana tempatan mahupun sarjana antarabangsa; dan juga laman web National University of Singapore (www.lib.nus.edu.sg) tidak membincangkan peranan dan sumbangaan yang diberikan oleh orang Melayu dalam usaha menubuhkan Universiti Malaya di Singapura. Sebaliknya, tulisan-tulisan sedia ada hanya memberi fokus terhadap peranan dan sumbangaan orang bukan Melayu termasuklah kerajaan British dalam merealisasikan penubuhan Universiti Malaya di Singapura pada 1949. Peranan dan sumbangaan orang bukan Melayu dan kerajaan

British pada ketika itu untuk menubuhkan Universiti Malaya di Singapura memang ada, dan tidak boleh dinafikan. Dalam masa yang sama, berdasarkan sumber-sumber primer yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, maka maklumat yang betul dan seimbang perlu diberikan kepada umum. Dengan demikian, buku ini berusaha untuk memberi pencerahan dengan mengenal pasti peranan dan sumbangan orang Melayu, khasnya orang persendirian, pemodal, cendekiawan, guru, pembesar dan institusi Raja-Raja Melayu dalam penubuhan Universiti Malaya di Singapura pada 1949. Buku ini adalah rujukan penting untuk mengetahui sejarah awal penubuhan Universiti Malaya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=561804>

Tokoh Agung Melayu / Helmi Effendy, Moustapha Abbas & Raja Ariff Danial

Ampang, Selangor: Patriots Publication, 2019

viii, 288p.

9789671652879

\$ 14.00 / PB

310gm.

